



Apabila Faezil Menulis

w w w . f a e z i l . c o m . m y

"Apabila Faezil Menulis" merupakan satu blog yang memaparkan luahan, rintihan, cetusan idea dan pendapat serta coretan liku-liku kehidupan seorang insan biasa yang bernama Faezil Aidil.

PILIHAN RAYA UMUM 2018

BUTIRAN PENULIS

Faezil Aidil Jamian lahir pada 28 Ogos 1980 merupakan seorang Eksekutif Kanan Teknologi Maklumat PIJ Holdings Sdn Bhd. Sebelum itu pernah menjadi web developer di sebuah syarikat swasta dan pernah menjadi jurulatih IT mengendalikan kursus Bimbingan Perguruan Profesional dalam Teknologi Maklumat untuk guru-guru di Mersing.

Latar Belakang

Dilahirkan pada 28 Ogos 1980, merupakan anak sulung kepada Haji Jamian Gimam dan Hajah Saerah Yasar. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Rinting, Sekolah Kebangsaan Kompleks UDA dan Sekolah Kebangsaan Bandar UDA (2), Johor Bahru dan kemudian bersekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara dan Sekolah Menengah Sains Johor. Mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Maklumat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada tahun 2004. Memulakan kerjaya sebagai Jurulatih IT di syarikat Prestariang Technology Sdn. Bhd. dan kemudian dengan BossHouse Group sebagai pengaturcara web.

Bidang Komputer

1989 - 1995 Mengenal Komputer

Mula mengenali komputer seawal usia 9 tahun apabila pihak sekolah mengadakan kelas komputer untuk para pelajar. Minat terhadap komputer mula bertambah apabila ayahnya membelikan komputer di rumah pada tahun 1990. Ketika menggunakan komputer, secara tidak sengaja terjumpa perisian QBASIC yang menjadi titik permulaan beliau kepada dunia pengaturcaraan.

Tertarik dengan QBASIC kerana boleh mencipta program sendiri, Faezil terus meneroka ilmu pengaturcaraan dan membina aturcara asas seperti permainan meneka nombor. Beliau pernah membina aturcara permainan berkonsepkan seperti Anugerah Juara lagu, permainan meneka ayat berkonsepkan seperti More Jutaria atau pada masa kini dikenali sebagai Who Want to be a Millionaire atau Wheel Of Fortune.

Mempelajari komputer secara rasmi dengan menghadiri kelas komputer anjuran pihak sekolah, beliau mula didedahkan dengan pelbagai perisian seperti

Wordstar, Lotus 123, dBase, MS Excel dll. Pembelajaran komputer ini terhenti apabila beliau berhijrah ke sekolah berasrama penuh.

2000 - 2004 Pendidikan Formal Teknologi Maklumat

Melanjutkan pelajaran dalam bidang Teknologi Maklumat (Pengajian Multimedia) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Di sini beliau didedahkan dengan pelbagai ilmu formal dan dididik bukan sahaja sebagai pengguna IT, bahkan untuk menjadi IT Profesional.

2004 - 2007 Jurulatih IT

Selepas tamat belajar, memulakan kerjaya sebagai Jurulatih IT di syarikat Prestariang Technology Sdn. Bhd. Syarikat ini mendapat kontrak selama 3 tahun daripada kerajaan Malaysia untuk melatih guru-guru di seluruh Malaysia menggunakan Teknologu Maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran. Faezil Aidil ditugaskan untuk mengendalikan kursus tersebut di pusat latihan di Mersing, Johor. Setiap satu sesi kursus selama 2 minggu dihadiri oleh 25 peserta.

Pada waktu ini juga, buat pertama kali Faezil melanggan domain dan hosting berbayar. Domain pertama yang dibelinya adalah faezilaidil.com. Beliau mula menginjakkan diri dengan penggunaan CMS seperti PHP-Nuke, phpBB, Joomla, Wordpress dll

2007 - 2015 Pengaturcara Web

Selepas tamat kontrak, berkhidmat sebagai pengaturcara web di BossHouse Group Sdn. Bhd. Pada awalnya, beliau ditugaskan untuk membangunkan website para pelanggan di bawah anak syarikat Timenet Telecommunication dan kemudiannya beliau ditugaskan untuk membangunkan dan menyelia beberapa laman web milih BossHouse Group.

Pada tahun 2009, Faezil mula mengenali dan mempelajari CakePHP.

Pada tahun 2014, majikannya membuka syarikat baru, Wall Media Berhad dan melantik Faezil menjadi salah seorang pengarah. Namun begitu, selepas setahun, Faezil keluar daripada Wall Media Berhad dan kembali ke Johor Bahru.

2015 - kini Eksekutif Kanan Teknologi Maklumat

Berkhidmat sebagai Eksekutif Kanan Teknologi Maklumat di PIJ Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat induk milik penuh Perbadanan Islam Johor.

Perniagaan Internet

Memulakan perniagaan Internet pertama dengan menjual koleksi template dan grafik di Internet. Koleksi ini dibeli daripada seorang pakar grafik dan Faezil memperolehi lesen Resell Right untuk membolehkan beliau menjualkannya secara komersil

Setelah melihat kejayaan penjualan berasaskan RR ini, Faezil meneroka produk lain yang berasaskan RR. Antara produk RR lain yang pernah dijual adalah Sistem Affiliate Lite

Sebagai seorang yang berlatarbelakangkan IT, Faezil juga mengorak langkah meneroka perniagaan web hosting dengan menjadi reseller.

Selain itu, Faezil juga pernah menjual produk di eBay menggunakan konsep Dropship. Tetapi tidak lama kerana masalah syarikat dropship tersebut. Melihat potensi konsep dropship ini, Faezil beralih kepada dunia percetakan. Pernah membuka perniagaan Ilham Cinta dengan kerjasama rakannya.

Projek

Berikut adalah projek-projek yang sedang dibangunkan

- Laman Waktu Solat - Memaparkan waktu solat di seluruh Malaysia
- Kedai Online - Pengguna boleh membina kedai online sendiri
- Tulis Blog - Pengguna boleh membina blog sendiri

PILIHAN RAYA UMUM KE-14



Marilah mari... pergi mengundi.. tunaikan lah kewajipan.. pada negara

Alhamdulillah, akhirnya saya berjaya mengundi pada PRU14 kali ini. Sesuatu yang sebenarnya saya patut lakukan 14 tahun yang lalu, iaitu ketika PRU11 atau

PRU2004. 

Sejak menjejak usia 21 tahun, usia layak mengundi, saya tidak mendaftar sebagai pengundi. Bukan sebab protes tapi sebab malas nak pergi pejabat pos untuk mendaftar. Walaupun pejabat pos tu sepelaung je dari rumah, saya menghadapi masalah kekangan masa (alasan je tuu).

Sehinggalah sekitar tahun 2014, ketika saya berjalan-jalan di Angsana Mall selepas waktu kerja, SPR ada membuka booth untuk pendaftaran. Oleh kerana dah depan mata, takkan nak bagi alasan kekangan masa lagi kan.

Berdasarkan cerita-cerita mereka yang pernah mengundi, waktu pagi memang waktu sesak dan ramai mengundi.

So, saya memilih waktu petang, pukul 4 petang baru nak gerak bersama ayah dan adik-adik, pergi ke pusat mengundi di Sekolah Agama Bandar Baru UDA.

Sampai di sana... aha.. nak sangat takde orang, memang betul-betul lengang. Yang ada cuma petugas-petugas je.

Oleh kerana tak ramai pengundi (ada la sorang dua sedang memangkah sesama saya baru sampai), maka proses membuang undi sekejap sahaja.

Siapa yang saya undi ? Opss.. undi adalah rahsia



Sebagai warga Johor, anak Johor, bangsa Johor, sudah tentulah saya menyokong pimpinan UMNO. Tetapi saya bukan jenis penyokong yang 'mesti kena angguk dan terima'. Prinsip saya, jika kita sokong seseorang atau sesuatu pihak, tidak bermakna kita kena telan terima bulat-bulat apa yang dia buat. Begitu juga jika kita mengkritik, tidak semestinya kita membenci. Saya pernah

mengkritik pasukan JDT di FB JST, lalu dituduh lalang



Pada saya, UMNO dan Barisan Nasional sememangnya parti yang paling layak memerintah Malaysia dan negeri saya Johor. Namun begitu, adat manusia tiada yang sempurna. Begitu juga pemimpin UMNO dan BN bukan lah maksum. Mereka juga ada kesilapannya. Malangnya, mungkin kerana mereka yakin tidak mampu ditumbangkan, mereka tidak ambil endah setiap teguran yang diberikan. Mentang-mentang Johor dianggap kubu kuat UMNO dan BN, Johor dipandang sebelah mata. Tidak seperti negeri Selangor dan Kelantan yang ditabur dengan pelbagai janji.

Lalu, saya, keluarga saya, dan juga rakan-rakan saya sepakat untuk tidak mengundi UMNO dan BN. Maafkan saya Dato Khaled Nordin... Tan Sri Shahrir Samad. Anda sememangnya pemimpin yang bagus. Tetapi UMNO dan BN perlu dijatuhkan, supaya tersentak dan terbangun dari lena yang panjang.

Akhirnya..... UMNO dan BN bukan sahaja tewas di Johor, bahkan juga

kehilangan kuasa di peringkat pusat.

Maafkan kami. Jika UMNO dan BN masih lagi berkuasa, mungkin tidak timbul perkara di bawah ini

Najib, Mohamad didesak undur

Harian Metro - 47 minutes ago



▼ Related coverage

Pemuda UMNO Kedah desak Najib kosongkan jawatan

Astro Awani - 4 hours ago



▼ Related coverage

BN, UMNO perlu transformasi kepimpinan

Utusan Malaysia - 6 hours ago



BN Pulau Pinang mahu Najib letak jawatan

Berita Harian - 1 hour ago



Beberapa pemimpin UMNO mendesak perubahan

UMNO dan BN perlu melakukan perubahan jika mahu terus berdaya saing di masa depan.

Pasti ada yang tidak bersetuju dengan saya. Tak mengapa lah... masing-masing ada pendapat tersendiri.

Apapun tahniah kepada Pakatan Harapan kerana menang PRU 14

Sekian,

Faezil Aidil Jamian